

MENTOPIN EFFERVESCENT TABLET

Acetylcysteine (200mg, 600mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Mentopin
2. Bagaimana Mentopin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Mentopin
4. Cara menggunakan Mentopin
5. Semasa menggunakan Mentopin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Mentopin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Mentopin

Mentopin digunakan untuk mengubati masalah saluran pernafasan. Masalah ini berlaku apabila mukus (kahak) yang dihasilkan terlalu banyak atau terlalu pekat.

Bagaimana Mentopin berfungsi

Ubat ini berfungsi dengan cara mencairkan mukus. Ini memudahkan mukus terkeluar apabila batuk.

Sebelum menggunakan Mentopin

- Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Mentopin tablet jika anda:

- alergic (hipersensitif) terhadap acetylcysteine atau mana-mana bahan kandungan tablet Mentopin yang lain (*sila rujuk senarai bahan kandungan*)

Jika anda mengalami salah satu keadaan tersebut, jangan ambil ubat ini dan maklumkan doktor.

- Sebelum mula mengambil

Maklumkan doktor anda jika anda mempunyai mana-mana masalah berikut:

- Penyakit asma
- Gastrik ulser

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Mentopin

- Berapa banyak harus diambil

Dos dewasa:

- 200mg tiga kali sehari
ATAU
- 600mg sekali sehari

- Bila perlu diambil

Adalah penting untuk anda mengambil Mentopin seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Larutkan kandungan tablet dalam segelas air dan minum serta-merta.

- Berapa lama perlu diambil

Anda harus mengambil Mentopin tablet selagi ianya disarankan oleh doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil satu dos, jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Ambil tablet yang seterusnya pada masa yang biasa. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika tidak pasti.

- Jika mengambil berlebihan (terlebi dos)

Jika anda secara tidak sengaja telah mengambil dos berlebihan Mentopin, hubungi doktor atau hospital dengan segera untuk mendapatkan nasihat. Tunjukkan mereka pek tablet anda. Rawatan perubatan mungkin diperlukan.

Semasa menggunakan Mentopin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan pengambilan Mentopin seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Tanya doktor atau ahli farmasi jika anda mempunyai sebarang keraguan.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Mentopin kecuali disuruh berbuat demikian oleh doktor anda. Jangan menggunakan Mentopin untuk merawat sebarang keadaan lain melainkan jika doktor memberitahu anda untuk berbuat demikian.

Jangan memberi atau mengesyorkan Mentopin kepada orang lain, walaupun mereka mengalami keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin

Tiada langkah berjaga-jaga khas diperlukan.

Kesan sampingan

Seperti ubat lain, Mentopin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana gejala berikut selepas mengambil ubat ini kerana ia boleh menjadi serius:

- Anda ada reaksi alahan. Tanda-tanda mungkin termasuk ruam kulit.
- Anda ada loya, sakit kepala, ketidakselesaan perut atau cirit-birit.
- Darah dalam muntah atau najis hitam.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa lagi yang membuat anda merasa kurang sihat. Kesan sampingan yang lain tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers*→*Reporting*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Mentopin

- Penyimpanan

Simpan di bawah 30°C, jauh daripada cahaya matahari. Simpan di tempat yang dingin serta kering. Jauhkan daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor memberitahu anda untuk berhenti mengambil Mentopin tablet, ataupun tablet anda telah melepasi tarikh luput, tanya ahli farmasi bagaimana menguruskan ubat tersebut. Jangan membuang baki ubat atau ubat yang luput tarikh ke dalam tong sampah.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna ubat

Mentopin 200mg: Tablet putih bulat, dengan permukaan yang licin.

Mentopin 600mg: Tablet putih bulat, dengan permukaan licin. Garis di satu belah.

- Bahan-bahan kandungan

- *Bahan aktif:*
Acetylcysteine.
- *Bahan tidak aktif:*
Citric acid, sodium hydrogen carbonate, sodium carbonate, mannitol, lactose, flavour, sodium cyclamate, saccharin sodium, sodium citrate, ascorbic acid (untuk Mentopin 600mg sahaja)

- Nombor MAL

Mentopin 200mg: MALxxxx
Mentopin 600mg: MALxxxx

Pengilang

Hermes Arzneimittel GmbH
Georg-Kalb-Str 5-8,
D-82049 Großhesselohe /
Munchen, Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Medicell Pharmaceutical
(Malaysia) Sdn Bhd
(898390-M)
Suite 16-03, Menara AmFIRST,
1, Jalan 19/3,
46300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP
25/11/2016

Nombor Siri
BPFK xxxxxxxx